PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

(Agensi di Bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya)

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang dinyatakan dalam jadual di bawah bagi menyertai tender berikut:

NO./ TAJUK TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT
PKKM/SP/T/7/2026 **Tender Bagi Perkhidmatan Perlindungan Insurans Harta Dan Am Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Untuk Tempoh Selama Dua (2) Tahun (1 April 2027 – 31 Mac 2029)**	**Kod Bidang** **221802 - Broker Insuran (Lesen Daripada Bank Negara Malaysia / Lesen Kementerian Kewangan Yang Ditandatangani Menteri Kewangan)**	**RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)**	**17 Disember 2026 (Khamis)** **Tepat pukul 12.00 tengah hari**	**Tarikh: 26 November 2026 (Khamis)** **Masa Taklimat: 10.00 pagi** **Tempat: Dewan Seri Utama 2, Bangunan Seri Utama, Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Seksyen 63, Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur** **(Kehadiran adalah diwajibkan)**

1. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang sah dan menghadiri taklimat sahaja. Syarikat (pemilik syarikat yang dinamakan) hendaklah membawa dokumen-dokumen **ASAL** dan **SALINAN** bagi **Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MoF)** yang masih sah untuk semakan.

2. Dokumen ini boleh dibeli dengan menggunakan **Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos/Dalam Talian** atas nama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Semua syarikat hendaklah **membawa cop syarikat semasa sesi taklimat dan pembelian dokumen.**

3. Taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Kewangan (MoF) sahaja yang boleh menghadiri taklimat tender dan **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai lain.

4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri, dengan 'No. Rujukan Tender' dituliskan di sebelah kiri sampul yang dimasuki. Dokumen hendaklah dipos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disediakan sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari pada tarikh tender ini ditutup di alamat berikut:

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
Aras G, Bangunan Seri Utama
Kompleks Kraf Kuala Lumpur
Seksyen 63, Jalan Conlay
50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-21627533 I Faks: 03-21612622